

Kepentingan bumiputera diambil kira di WPI

UM - 24/3/2007

PUTRAJAYA 23 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan tetap mengambil kira kepentingan bumiputera dalam pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor walaupun kelonggaran diberikan kepada pelabur asing di kawasan berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini kerana keupayaan masyarakat bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian telah meningkat dan jika terdapat peluang tertentu di WPI, mereka boleh mengambil bahagian.

"Dengan peranan syarikat milik kerajaan (GLC) dan sebagainya, kalau ada peluang tertentu di kawasan WPI, bumiputera boleh ambil bahagian dalam pembangunan kawasan itu.

"Umpamanya kalau ada enam buah hotel

lima bintang, takkan tak ada syarikat bumiputera yang boleh ambil bahagian, tapi dalam pada itu ada yang akan melibatkan pelabur dari luar negara yang ingin melabur di situ, jadi mereka akan mendapat peluang itu secara lebih bebas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan ke-57 di sini, hari ini.

Sebelum ini Panel Penasihat Lembaga WPI, Tun Musa Hitam dalam satu temu bual dengan agensi berita antarabangsa berkata, Malaysia patut mengecualikan pembangunan di WPI daripada dasar memberikan keistimewaan kepada bumiputera bagi membantu menarik dana pelabur asing.

Musa dipetik sebagai berkata, dasar yang memberikan keutamaan laluan kepada bumiputera terhadap kontrak kerajaan mungkin boleh menjadi penghalang kedatangan pelabur asing ke WPI.

Ditanya sama ada kerajaan bersetuju dengan perkara itu, beliau berkata, kerajaan bersetuju dengan prinsip tersebut seperti diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Kita akan terangkan kepada pemimpin negeri Johor tentang perkara ini," katanya.

Mengulas mengenai pelabur asing di WPI, beliau memberitahu, pelabur asing yang ingin melabur di kawasan itu akan diberikan peluang dan kelonggaran untuk berbuat demi-

kian secara lebih bebas lagi.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, ini kerana hasrat membangunkan kawasan berkenaan secara besar-besaran tidak akan tercapai sekiranya kerajaan tidak memberi kelonggaran kepada pelabur asing.

"Kawasan WPI memerlukan satu pendekatan yang membolehkan tempat ini atau kawasan ini merupakan kawasan menarik kepada pelabur asing.

"Hasrat kita untuk membangunkan kawasan ini secara besar-besaran tak akan tercapai kalau tak ambil satu dasar dan pendekatan baru yakni untuk membuka kawasan ini dan beri kelonggaran sebanyak mungkin kepada pelabur-pelabur," katanya.